

SATU TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUAN PENGURUSAN  
KEWANGAN DALAM BIDANG KEUSAHAANAN BAGI PELAJAR  
TAHUN AKHIR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KUITTHO

KALSON BINTI SUDAR

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KU<sup>1</sup> TTHO  
  
3 0000 00070984 4

SCANNED  
AVAILABLE ONLINE

IIAK MILIK  
MAKMAL SUMBER BERCETAK  
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
SOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN  
86400 BATU PAHAT, JOHOR.

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA◆

JUDUL : SATU TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUAN PENGURUSAN KEWANGAN DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN BAGI PELAJAR TAHUN AKHIR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KUiTTHO.

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya : KALSOM BINTI SUDAR (HT010099)  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)




TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD



Disahkan oleh  
  
(TANDATANGAN PENYELIA)

  
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap : NO.2A KG. PT. MARKOM,  
82200 BENUT,  
PONTIAN, JOHOR.

TUAN HJ KAMARUDIN BIN KHALID  
Nama Penyelia

Tarikh : 10 Mac 2003


Tarikh : // Mac 2003

### CATATAN :

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ◆ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Izajah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan



: .....

Nama Penyelia

: TUAN HJ KAMARUDIN B. KHALID

Tarikh

: // Mac 2003

**SATU TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUAN PENGURUSAN  
KEWANGAN DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN BAGI PELAJAR TAHUN  
AKHIR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KUiTTHO.**

**KALSOM BINTI SUDAR**

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**MAC, 2003**

*“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.*

*Tandatangan* : .....   
*Nama* : **KALSOM BINTI SUDAR**  
*Tarikh* : **10 Mac, 2003**

*Teristimewa buat ayahanda dan bonda tercinta, Haji Sudar bin Sukadi dan Hajjah Hasmah  
Sadikin yang tidak pernah jemu berdoa ke atas kejayaan anakanda.*

*Segala jasa dan bakti ayahanda dan bonda akan dikenang selamanya.*

*Terima kasih yang tidak terhingga buat akak, abang, adik-adik dan rakan-rakan yang telah  
banyak memberi sokongan dan dorongan.*

*Juga buat insan tersayang, Md. Khairil Izmi bin Ishak yang telah banyak memberi semangat dan  
galakan.*

*Terima kasih buat kalian semua...*

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Ilahi dengan berkat keizinanNya dapatlah saya menyiapkan Laporan Projek Sarjana ini pada masa yang ditetapkan.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Tuan Haji Kamarudin bin Khalid yang banyak memberi bimbingan dan dorongan sepanjang saya menyiapkan projek sarjana ini. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Pembantu Penyelia, Prof. Madya Dr Ahmad Zaidi bin Johari, Puan Intan Shairah Che Den, pensyarah Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang menggalakkan.

Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan serta individu yang secara langsung atau tidak langsung membantu dalam menyiapkan projek sarjana ini. Segala jasa baik daripada semua pihak amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Keusahawanan merupakan satu bidang yang amat penting di negara kita bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkebolehan dan berkemahiran. Kajian ini dibuat bertujuan untuk meninjau minat pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO terhadap bidang keusahawanan dan pengetahuan mereka dalam aspek pengurusan kewangan. Seramai 100 orang pelajar tahun akhir yang mempunyai asas keusahawanan semasa di sekolah telah dipilih secara rawak sebagai responden bagi menjawab soal selidik yang diedarkan. Data yang diperolehi, dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) Versi 10.0*. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mempunyai kecenderungan atau minat dalam bidang keusahawanan tetapi mereka kurang berpengetahuan dalam aspek menguruskan kewangan. Melalui dapatan kajian ini, pengkaji dapat memberi maklumat kepada pihak KUiTTHO bagi membangunkan bidang ini terutamanya ke arah cadangan mewujudkan garis panduan pengurusan kewangan dan menjadikan Mata Pelajaran Keusahawanan sebagai mata pelajaran wajib kepada pelajar-pelajar tahun akhir KUiTTHO.

## ABSTRACT

Entrepreneurship is an important field in our country to fulfill government's vision in order to get a higher skill student. The purpose of this research is to identify the enthusiasm among final year students of Bachelor Engineering at KUiTTHO in entrepreneurship field and their financial management's knowledge. 100 students that have basic in entrepreneurship are selected randomly as respondents to gather feedbacks based on the questionnaire distributed. Collected data is analyzed by using Statistical Package For Social Science (SPSS), 10.0 version. The result of this research shows that majority of the students are enthusiasm towards entrepreneurship but they are lack of knowledge in manage their finance. Based on this findings, information from the research can be used in KUiTTHO to develop entrepreneurship field, especially in developing of a guideline in financial management, thus making entrepreneurship subject as a core subject for final year students in KUiTTHO.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>		
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>		
<b>JUDUL</b>		i
<b>PENGAKUAN</b>		ii
<b>DEDIKASI</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		iv
<b>ABSTRAK</b>		v
<b>ABSTRACT</b>		vi
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>		vii
<b>SENARAI JADUAL</b>		xii
<b>SENARAI RAJAH</b>		xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>		xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>		xv

### I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7

1.6	Kerangka Teori	8
	1.6.1 Penerangan Kerangka Teori	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Definisi Istilah	12

## **II SOROTAN PENULISAN**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Persediaan Menjadi Seorang Usahawan	14
2.3	Pengetahuan dan Sikap Usahawan Dalam Pengurusan Kewangan	16
2.4	Perekodan Urus Niaga	17
2.5	Pengurusan Tunai	19
2.6	Penyata Kewangan dan Kepentingannya	22
2.7	Pengguna Maklumat Kewangan	26

## **III METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	28
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	28
3.3	Reka Bentuk Kajian	29
3.4	Instrumen Kajian	30
3.5	Kajian Rintis	31
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	31

3.7	Prosedur Kajian	32
3.8	Kaedah Analisis Data	34
3.9	Batasan Kajian	34
<b>IV</b>	<b>ANALISIS DATA DAN HASIL DAPATAN</b>	
4.1	Pengenalan	35
4.2	Latar Belakang Responden	36
4.2.1	Jantina	37
4.2.2	Bangsa	37
4.2.3	Kursus	38
4.2.4	Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga	38
4.2.5	Kecenderungan atau Minat Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	39
4.3	Pengetahuan Pelajar Berkenaan Sistem Catatan Bergu	40
4.4	Pengetahuan Berkenaan Pengurusan Tunai	43
4.5	Pengetahuan Berkenaan Imbangan Duga	45
4.6	Pengetahuan Berkenaan Penyata Kewangan	47

**V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	49
5.2	Perbincangan	50
5.2.1	Kecenderungan atau Minat Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	50
5.2.2	Pengetahuan Pelajar Berkenaan Sistem Catatan Bergu	51
5.2.3	Pengetahuan Berkenaan Pengurusan Tunai	52
5.2.4	Pengetahuan Berkenaan Imbangan Duga	52
5.2.5	Pengetahuan Berkenaan Penyata Kewangan	53
5.3	Kesimpulan	54
5.4	Cadangan	55
5.4.1	Cadangan Kajian Lanjutan	56
5.5	Penutup	56

**VI CADANGAN REKA BENTUK PRODUK**

6.1	Pengenalan	57
6.2	Teori Penghasilan Produk	57
6.3	Tujuan Produk	58
6.4	Reka Bentuk Produk	
6.4.1	Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	58
6.4.2	Kronologi Pembinaan Produk	59
6.4.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	62
6.4.4	Bahan, Kos dan Masa Pembinaan Produk	63

**BIBLIOGRAFI**

64

**LAMPIRAN**

68

## **SENARAI JADUAL**

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Format Penyata Pendapatan dan Untung Rugi	24
2.2	Format Kunci Kira-Kira	25
2.3	Pengguna Maklumat Kewangan	26
3.1	Tafsiran Statistik Deskriptif (Min)	34
4.1	Latar Belakang Responden Mengikut Jantina	37
4.2	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa / Penjaga	38
4.3	Analisis Kecenderungan / Minat Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	39
4.4	Pengetahuan Pelajar Berkenaan Sistem Catatan Bergu	41
4.5	Pengetahuan Berkenaan Pengurusan Tunai	43
4.6	Pengetahuan Pelajar Berkenaan Imbangan Duga	45
4.7	Pengetahuan Berkenaan Dengan Penyata Kewangan	47

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teoritikal	8
3.1	Prosedur Kajian	33
4.1	Latar Belakang Responden Mengikur Bangsa	37
4.2	Kursus Yang Diambil Oleh Responden	38
6.1	Carta Alir Pembinaan Garis Panduan Pengurusan Kewangan	60

**SENARAI SINGKATAN**

AFTA	-	ASEAN Free Trade Area / Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
IPK	-	Institut Pembangunan Usahawan
MEDEC	-	Malaysian Entrepreneurship Develop Centre
Pra – SUS	-	Pra – Skim Usahawan Siswazah
PUM	-	Program Usahawan Muda
WTO	-	World Trade Organization / Pertubuhan Perdagangan Dunia.

**SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	68
B	Hasil Kajian Rintis	75
C	Garis Panduan Pengurusan Kewangan	

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat membantu dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Tambahan pula, Malaysia sedang melangkah pantas menuju status negara maju dalam era globalisasi. Di sinilah golongan usahawan memainkan peranan utama dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya inovasi sesebuah negara. Usahawan juga dianggap sebagai pemangkin dan pemacu terpenting dalam proses pembangunan sesebuah masyarakat.

Usahawan merupakan seseorang yang merancang, memulakan dan meneraju sesebuah perniagaan atau perusahaan. Mereka merupakan orang yang bertanggungjawab memajukan perniagaan yang dimulakkannya, menggabungkan modal, sumber fizikal dan tenaga pekerja dengan cara yang berkesan. (Khairuddin,1996).

Menurut Thomas dalam petikan Ab. Aziz (1998), masyarakat yang terbaik adalah masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan iaitu individu paling dinamik dan inovatif. Mereka juga sedia untuk berhadapan dengan ketidaktentuan melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan.

Dalam senario ekonomi alaf baru ini, usahawan perlu membuat anjakan minda dengan memberi perhatian kepada bidang-bidang baru dalam ekonomi yang masih kurang diceburi. Mereka perlu merebut peluang perniagaan sama ada dalam sektor pembinaan, pelancongan atau perkhidmatan dan bukan tertumpu kepada satu jenis perniagaan sahaja. Usahawan juga perlu menguasai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam bidang pengeluaran, pemasaran serta pengurusan perniagaan untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Selain itu, disiplin, dedikasi, pengorbanan dan kesanggupan bekerja keras sebenarnya memudah serta menceraahkan peluang untuk mencipta kejayaan. Tabiat membuang masa dan berbual kosong sepatutnya sudah tiada lagi, sebaliknya usahawan perlu meningkatkan daya saing, berpandangan jauh dan inovatif dalam bidang yang diceburi. Ini adalah penting bukan saja bagi kejayaan diri usahawan itu sendiri tetapi untuk generasi usahawan yang akan datang supaya diteladani dan dicontohi oleh mereka (Daim, 2000).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Tidak dinafikan, penyertaan ramai individu dalam bidang usahawan telah dapat memperbaiki kedudukan ekonomi sesebuah masyarakat khususnya dan negara amnya. Di Malaysia, jika dikaji dari segi sejarah pembangunannya, kita mendapati bahawa pelbagai program dan strategi telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi bilangan usahawan dalam bidang perniagaan dan perindustrian.

Tambahan pula, kewujudan tatacara perdagangan antarabangsa baru yang dikawal selia oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), sudah tentu akan meningkatkan lagi persaingan antara para usahawan tempatan dengan para pemain global yang lebih besar dan kuat (Wan Liz Ozman dan Sulzari, 2002). Selain itu, pentingnya industri kecil dan sederhana dalam ekonomi juga telah menyebabkan kerajaan mencampuri urusan pembentukan usahawan bagi membentuk budaya usahawan dalam masyarakat.

Menurut Gibb (1987), di antara komponen-komponen dalam pembentukan budaya usahawan ialah wujudnya sifat usahawan yang digambarkan secara positif kepada kanak-kanak, peluang bagi orang muda bekerja di dalam perniagaan tersebut, menjalankan tugas-tugas operasi perniagaan milik perseorangan, mengasah sifat-sifat keusahawanan dan menjalankan tugas-tugas perniagaan kecil serta membentuk rangkaian kenalan bagi memperkuatkan perniagaan seperti pelanggan, pembekal, pengedar, sumber maklumat dan lain-lain.

Pemupukan budaya usahawan ini dianggap penting di dalam rancangan pembangunan usahawan di Malaysia sehingga menjadikan keusahawanan sebagai teras pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah. Begitu juga di pusat-pusat pengajian tinggi, keusahawanan diperkenalkan sebagai satu disiplin dan penubuhan pusat-pusat pengajian dan pembangunan keusahawanan menjadi satu tradisi. Sebagai contoh ialah Malaysian Entrepreneurship Development Centre (MEDEC) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Institut Pembangunan Keusahawanan (IPK) di Universiti Utara Malaysia (UUM). Melalui pusat-pusat pengajian dan pembangunan keusahawanan ini, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan untuk manarik minat para pelajar bagi menyertai bidang keusahawanan sama ada ketika berada di institusi pengajian ataupun setelah menamatkan pengajian.

Menurut Ahmad (2000), jumlah graduan yang lulus dari universiti terus bertambah setiap tahun, ditambah pula dengan perambah bilangan universiti awam dan juga swasta. Keadaan ini telah menimbulkan masalah pengangguran di kalangan siswazah akibat pengurangan kadar pewujudan pekerjaan dewasa ini. Pada tahun 1997 sahaja, seramai 39,000 siswazah masih menganggur di negara kita. Berdasarkan fenomena ini, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan telah melaksanakan pelbagai program bagi memperluaskan pengetahuan dan pendedahan dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Program Pra-Skim Usahawan Siswazah (Pra-SUS) yang merupakan kesinambungan kepada Program Usahawan Muda (PUM) pada peringkat sekolah menengah di seluruh negara.

Melalui program ini, para pelajar akan diberikan latihan dalam bidang keusahawanan dan galakan untuk menyusun rancangan perniagaan masing-masing sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Selepas tamat pengajian, pelajar-pelajar berkenaan boleh mendapatkan bantuan pinjaman daripada dana yang diperuntukkan dalam Skim Usahawan Siswazah (SUS) ini untuk menuju perniagaan sendiri (Berita Harian: November 2000). Di antara latihan asas yang disediakan di bawah program Pra-SUS adalah mencakupi aspek pengurusan syarikat, pengurusan kewangan dan juga pendaftaran syarikat di mana aspek-aspek ini merupakan aspek penting dalam menentukan kejayaan sesebuah perniagaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Aspek pengurusan kewangan merupakan faktor penting dalam sesebuah perniagaan. Menurut Kamarul Ariffin (1996), kegunaan kewangan adalah untuk pelbagai tujuan utama seperti pembiayaan terhadap sesebuah perniagaan. Oleh itu, kewangan perlu diuruskan dengan cekap dan profesional agar perniagaan dapat berjalan dengan sempurna.

Masalah kegagalan di kalangan usahawan juga sering dikaitkan dengan pengurusan kewangan yang tidak cekap. Malah lebih buruk lagi ialah sekiranya seseorang usahawan menyerahkan segala urusan kewangan syarikat kepada pengurus atau rakan kongsi akibat kurangnya pengetahuan dalam aspek tersebut. Ini memungkinkan berlakunya penipuan dan pecah amanah. Menurut Madznah (1994), faktor penting yang boleh membantu usahawan bagi mengelakkan kegagalan ialah dengan memahami bersungguh-sungguh maksud sebenar perancangan kewangan, pengurusan kewangan, objektif-objektif pengurusan kewangan dan kaitannya dengan hala tuju sesebuah perniagaan iaitu memaksimakan untung dan meminimakan rugi.

Secara umumnya, usahawan dan bakal usahawan hendaklah melengkapkan diri dengan pengetahuan berkaitan aspek pengurusan kewangan bagi mengurangkan risiko kegagalan. Walaupun mereka tidak secekap seorang akauntan, sekurang-kurangnya mereka memahami implikasi dan kesan pengurusan kewangan yang efektif terhadap perniagaan mereka. Oleh itu, pengkaji ingin memberikan pendedahan atau pengetahuan asas berkaitan aspek pengurusan kewangan kepada pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO yang mempunyai pengetahuan asas dalam bidang keusahawanan di sekolah kerana mereka berpotensi untuk menceburi bidang keusahawanan jika diberi pendedahan yang luas mengenai bidang tersebut.

KUiTTHO merupakan salah satu IPT yang menghasilkan graduan dalam bidang kejuruteraan iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik. Bidang ini menyedia dan melaksanakan program akademik serta kemahiran yang bertujuan untuk melahirkan graduan kejuruteraan yang berketrampilan, mampu berkomunikasi dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik dan beretika bagi memenuhi keperluan sumber manusia untuk pembangunan negara.